

R GB 20-10 00178 BA782

aab

PEMIMPIN KOMANWEL MENERIMA DEKLARASI HARARE

CHOGM - Deklarasi

Daripada Kuah Guan Co

I

HARARE, 20 Okt (Bernama) -- Komanwel telah memperbaharui komitmen bagi demokrasi, peraturan undang-undang, badan perundangan yang bebas dan kerajaan yang jujur dalam satu deklarasi yang dipersetujui oleh kesemua 50 negara anggotanya.

Deklarasi itu, dinamakan +Deklarasi Komanwel Harare+ juga mengesahkan komitmen pertubuhan itu untuk menamatkan aparteid dan mewujudkan sebuah negara Afrika Selatan yang bebas, berdemokrasi tanpa bersikap perkauman dan makmur.

Dokumen 13 perkara itu diluluskan oleh para pemimpin Komanwel pada akhir perentian tradisional di Air Terjun Victoria, yang terbesar di dunia, kira-kira 800 km timur laut dari sini.

Deklarasi itu, yang disediakan oleh Kumpulan Penilaian Peringkat Tinggi dan dianggotai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sembilan pemimpin lain, menetapkan arah haluan dan keutamaan pertubuhan itu untuk tahun-tahun akan datang.

Para pemimpin itu mengesahkan keyakinan mereka dalam Komanwel sebagai sebuah persatuan sukarela negara-negara berdaulat, masing-masing mempunyai tanggungjawab bagi dasar-dasarnya sendiri, berunding dan bekerjasama untuk kepentingan rakyat mereka. -- Lagi

♥20/10/17-50MST

R GB 20-10 00170 BA784

aab

CHOGM - Deklarasi 2 Harare

Sambil mengulangi komitmen mereka pada prinsip-prinsip Komanwel, mereka berjanji untuk bekerja dengan tekun dalam perkara-perkara berikut:-

+ melindungi dan menggalakkan nilai-nilai asas politik dalam Komanwel -- demokrasi, proses dan institusi demokrasi, peraturan undang-undang dan badan perundangan yang bebas, kerajaan yang jujur dan hak asasi manusia, termasuk hak dan peluang yang sama bagi setiap rakyat tanpa mengira kaum, warna, kepercayaan agama atau kepercayaan politik;

+ hak persamaan bagi wanita;

+ menggalakkan pembangunan dan pembasmian kemiskinan yang berterusan di negara-negara Komanwel;

+ melindungi alam sekitar menerusi amalan menghormati prinsip-prinsip pembangunan yang berterusan seperti termaktub dalam Deklarasi Langkawi;

+ tindakan untuk memerangi pengedaran dan penyalahgunaan dadah dan penyakit berjangkit;

+ membantu negara-negara kecil Komanwel mengatasi masalah ekonomi dan keselamatan mereka, dan

+ menyokong Bangsa-bangsa Bersatu dan institusi-institusi antarabangsa yang lain dalam usaha dunia mencari kedamaian, pelucutan dan pengawalan senjata, dan menggalakkan persetujuan antarabangsa mengenai isu-isu politik, ekonomi dan sosial dunia. -- Lagi

♥20/10/18-04MST

R GB 20-10 00134 BA791

aab

CHOGM - Deklarasi 3 (Akhir) Harare

Mereka mengulangi pendirian bahawa kedamaian antarabangsa, pembangunan ekonomi dan peraturan undang-undang antarabangsa penting kepada keselamatan dan kemakmuran manusia sejagat.

Mereka bersetuju bahawa adalah penting supaya dipercepatkan pembangunan ekonomi dan sosial untuk memenuhi keperluan asas dan aspirasi sebahagian besar penduduk dunia, dan mengurangkan jurang perbezaan taraf hidup di kalangan anggotanya.

Para pemimpin Komanwel juga mengakui bahawa sebahagian besar anggotanya miskin dan menghadapi masalah teruk, termasuk pertumbuhan penduduk, kemiskinan yang teruk, beban hutang dan masalah alam sekitar.

Hanya pembangunan yang teratur dan berterusan dapat membantu berjuta-juta rakyat di negara-negara ini untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik, dan untuk mencapai matlamat itu memerlukan sumber-sumber daripada sektor awam dan swasta daripada dunia maju dan membangun, kata mereka. -- Bernama

▼20/10/18-28MST